

Nama &
Kelas:

Baca petikan di bawah dan kesan 4 jenis pola ayat dan salin di ruangan yang disediakan.

POLA FN + FN	
POLA FN + FK	
POLA FN + FA	
POLA FN + FSN	

AKTIVITI

1. Nyatakan perbandingan semacam dalam bentuk peta pemikiran.
2. Bina ayat menggunakan perbandingan semacam.

Hari Keusahawanan

Pada pertengahan tahun, Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Muhibbah mengadakan Hari Keusahawanan. Pihak sekolah bekerjasama dengan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) membina beberapa buah gerai. Hari Keusahawanan ini dilaksanakan untuk menambah dana PIBG sekolah. Seawal matahari mulai menampakkan wajahnya, semua kelab dan persatuan telah membuka

gerai jualan seperti gerai air, gerai buah-buahan, gerai gorengan, gerai aneka nasi, dan gerai kuih-muih.

Haziq, Adelina, dan Reetha, daripada Kelab Perdagangan, telah memilih jualan aneka nasi. Mereka menjual pelbagai jenis nasi seperti nasi ayam, nasi tomato, nasi jagung, dan nasi hujan panas. Gerai berderetan di tempat yang luas macam padang. Pihak PIBG sebagai penganjur telah bersedia untuk menerima kedatangan para pengunjung. Ahli Jawatankuasa PIBG telah bertungkus lumus mengadakan promosi sejak dua bulan yang lalu.

Seawal pagi, Haziq selaku pengerusi kelab telah mengagih-agihkan tugas kepada setiap ahli. Para petugas gerai sibuk macam lebah mengendalikan barangan yang hendak dijual di khemah masing-masing. Mereka kelihatan bersemangat walaupun terpaksa mengangkat barang yang berat seperti batu. Menjelang tengah hari, keadaan menjadi riuh seperti pasar apabila pengunjung mula mengunjungi gerai jualan.

Pada pukul 3:00 petang, gerai mereka telah mengadakan jualan penghabisan stok. Mereka bekerja cepat seperti kilat untuk melayan pengunjung yang berpusu-pusu menyerbu gerai mereka. Mujurlah mereka rajin seperti semut dan saling bekerjasama menjalankan tugas di gerai.

Selepas berjualan, khemah gerai dibersihkan. Semua sisa makanan dibuang supaya kawasan itu tidak berbau busuk seperti bangkai. Haziq dan rakan-rakannya berasa gembira kerana memperoleh keuntungan. Sesungguhnya, Hari Keusahawanan ini juga memberikan pendedahan kepada Haziq dan rakan-rakannya tentang pengalaman menguruskan gerai.

